



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2018**

---

**SISTEM KOD ASET TAK ALIH (SKATA) versi 2.0**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

9 APRIL, 2018

**Diedarkan kepada :**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



## URUSETIA JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN (JPAK)

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA,  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,  
50582 KUALA LUMPUR

Telefon : (03) 26108888/ 26107501  
Fax : (03) 26926511  
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>  
<http://jpak.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : JKR.CPAB.800.010/1.06 ( **21** )

Tarikh : 9 April, 2018

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

---

### PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2018

---

#### SISTEM KOD ASET TAK ALIH (SKATA) versi 2.0

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini menggariskan Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) Kerajaan versi 2.0 yang baru bagi menggantikan Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012. Tujuan pekeliling ini ialah untuk menjelaskan pelaksanaan penggunaan Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) Kerajaan Versi 2.0 yang merupakan dokumen sokongan kepada Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan (MPAM) dan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA).

## 2. LATAR BELAKANG

- i. Sistem kod aset adalah salah satu aspek penting dalam proses pengurusan data dan maklumat aset kerajaan. Penggunaan Sistem Kod Aset Tak Alih (SKATA) ini telah bermula sejak Pekeliling Am Bil. 2/2012 dikuatkuasakan. Memandangkan terdapat beberapa perubahan kepada amalan-amalan pengurusan yang berkaitan dengan pengurusan aset kerajaan, SKATA perlu ditambahbaik mengikut perkembangan semasa.
- ii. Dalam konteks SKATA versi 2.0, ianya dibangunkan berdasarkan kepada konsep dan amalan terbaik dengan mengambilkira keperluan yang ditetapkan dalam Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2002 - *Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)*, *Malaysia Standard (MS) 1759*, *Transformasi Sektor Awam (Dasar Pelaksanaan Perakaunan Akruan)*, Program pembangunan maklumat *Geographical Information System (GIS)* dan persediaan pelaksanaan *Building Information Modelling (BIM)* dalam industri pembinaan ke arah *Pembangunan Lestari (Sustainable Development)* pada masa akan datang.
- iii. Penggunaan SKATA versi 2.0 akan membolehkan semua data dan maklumat Aset Tak Alih Kerajaan diseragamkan serta diuruskan melalui satu pangkalan data berpusat. Maklumat ini boleh dikongsi oleh semua agensi berkaitan dalam membuat sesuatu keputusan dan tindakan yang berkaitan dengan Aset Kerajaan secara lebih berkesan lagi.

## 3. SISTEM KOD ASET TAK ALIH (SKATA) versi 2.0

- i. Dokumen SKATA versi 2.0 menjelaskan struktur kod piawai bagi sebahagian Aset Tak Alih Kerajaan yang meliputi:
  - (a) Aset Bangunan;
  - (b) Aset Infrastruktur Jalan;
  - (c) Aset Infrastruktur Air;

- (d) Aset Infrastruktur Pembedungan; dan
  - (d) Aset Infrastruktur Lain-Lain.
- ii. Struktur SKATA versi 2.0 adalah meliputi dua (2) peringkat utama iaitu;
  - (a) Daftar Premis Aset (DPA) adalah struktur kod aset peringkat pertama yang merupakan **identifikasi lokasi dan pemilikan** bagi sesuatu aset dalam pendaftaran Aset Tak Alih Kerajaan. DPA terdiri daripada gabungan kod yang mengandungi maklumat asas sesuatu aset seperti agensi pemilik, lokasi sesuatu aset, kategori premis aset dan lain-lain.
  - (b) Daftar Aset Khusus (DAK) adalah struktur kod aset peringkat kedua yang merupakan **identifikasi binaan dan komponen** yang berkaitan bagi sesuatu aset dalam pendaftaran Aset Tak Alih Kerajaan. DAK terdiri daripada gabungan kod yang mengandungi identiti jenis dan susunatur binaan serta identiti komponen aset mengikut struktur kategori dan peringkat yang ditetapkan.
- iii. Struktur SKATA versi 2.0 bagi premis Aset Bangunan, Aset Infrastruktur Jalan, Aset Infrastruktur Air, Aset Infrastruktur Pembedungan dan Aset Infrastruktur Lain-Lain meliputi kombinasi kedua-dua peringkat kod iaitu DPA dan DAK.
- iv. Sekiranya terdapat Aset Tak Alih yang di luar daripada skop Pekeliling ini, pihak Urus Setia akan memberikan khidmat nasihat untuk membangunkan satu struktur kod piawai baru yang bersesuaian dengan sesuatu aset tersebut selaras dengan kehendak MPAM dan TPATA.

#### **4. PELAKSANAAN DAN PENGGUNAAN SKATA**

- i. Pegawai Pengawal di bawah agensi masing-masing hendaklah memastikan pelaksanaan penggunaan SKATA versi 2.0 bagi semua Aset Tak Alih Kerajaan di bawah kawalannya mengikut Pekeliling ini.
- ii. Dokumen lengkap Sistem Kod Aset Alih (SKATA) versi 2.0 boleh didapati dan dimuat turun melalui capaian di portal <https://jpak.jkr.gov.my>.
- iii. Pemakluman terhadap sebarang perubahan dan penambahbaikan Kod Aset Tak Alih juga akan dikemaskini dari masa ke semasa melalui portal ini.

#### **5. KHIDMAT NASIHAT**

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berkaitan Pekeliling Am ini boleh merujuk kepada Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) seperti berikut:-

Urus Setia JPAK,  
Aras 1, Blok C Lama,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50582 Kuala Lumpur.  
Tel : 03 - 2610 7562  
Emel : [jpak.jkr@1govuc.gov.my](mailto:jpak.jkr@1govuc.gov.my)

#### **6. PEMAKAIAN**

- i. Pekeliling ini terpakai kepada semua Agensi Kerajaan Persekutuan.

- ii. Pekeliling ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan dan pengubahsuaian sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

## **7. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

## **8. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Am ini, Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**